

| | | | |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tidak mahu leka | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 17 Aug 2013 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 192,982 |
| Page No | G4 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 832 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 28,060 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 84,180 |



Oleh Zul Husni
Abdul Hamid
zhusni@bh.com.my

Lama diasak dengan rutin penggambaran yang meletakkan popularitinya pada kedudukan selesa, pelakon bertubuh kecil molek, Nad Zainal enggan terus terperuk dalam ruang komersial.

Pemilik nama lengkap, Farah Nadia Zainal, 23, itu akur jika terus membiarkan dirinya hanyut dalam lautan populariti, skil yang diasah ketika berlakon teater akan lenyap dek tuntutan yang berbeza.

Atas alasan itu, pemegang Diploma Teater dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) itu sedia melepaskan tawaran lumayan dan kembali menekuni dunia teater untuk mencari kepuasan.

Nad bakal beraksi dalam pentas *Maduku... Kalut* terbitan MASK Team yang dipentaskan di Lambang Sari, Istana Budaya dari 27 hingga 30 September depan.

Teater arahan Muhamad Azhar Zainal ini menggingkankan Nad dengan pelakon berbakat seperti Izzue Islam, Jihan Raja Lawak, Karl Shafek, Sofian Bujang, Fazlena Hishamuddin dan Nazurah Hanoom.

Sering terikat

"Keinginan untuk beraksi di teater besar sudah lama tersimpan. Bukan tiada tawaran, cuma kesempatan terbatas disebabkan saya sering terikat dengan lakonan drama bersiri.

"*Maduku... Kalut* datang tepat pada masanya, ketika saya mengambil kesempatan untuk berehat seketika daripada aktiviti seni pada Ramadan lalu.

"Lagipun, *Maduku... Kalut* bukan teater berat dan cenderung komedi, justeru, tidak terlalu memberi tekanan.

"Saya akui tidak adil untuk membandingkan bayaran diterima ketika membintangi drama komersial, namun saya tetap terima untuk kepuasan.

"Lakonan teater ibarat hobi tetapi berbayar, cuma mungkin penerimaan penonton terbatas kerana jumlah audiens yang tidak besar," katanya.

Jiwanya yang sudah sebat dengan lakonan pentas membuatkan Nad berasa jauh dengan rutin teater apabila terlalu asyik dihambat tawaran untuk produk komersial.

Nad tidak menafikan, sebaik manapun lakonan yang dipamerkannya di layar kaca atau skrin lebar, teater tetap menjadi pusat latihan

terbaik untuk mengasah kemampuan sebenarnya.

"Apabila terlalu leka dengan lakonan komersial, kita akan menjadi selesa dan malas untuk belajar. Saya tidak mahu perkara itu terjadi kepada diri saya.

"Selain mengasah semula skil yang ada, teater juga memberi ruang untuk saya meneroka sesuatu yang baru dalam dunia lakonan.

Gali kemampuan diri

"Lakonan televisyen ada ketika menyukarkan seseorang pelakon untuk membuat pilihan. Ada kala, kita terikat dengan watak yang hampir sama dan situasi itu cukup menyesakkan.

"Bukan merungut cuma sebagai pelakon, saya ingin terus mencuba dan menggali kemampuan diri. Secara jujur, saya selesa bermain watak berat atau beraksi dalam naskhah yang diangkat daripada novel.

"Saya paling suka kepada naskhah *Lantai T Pinkie*, selain menanti peluang untuk mencuba sekiranya novel *Salina* diangkat ke pentasteater. Saya ingin mencabar diri kerana dari situ, kepuasan sebenar akan diperoleh," katanya.

Tidak mahu leka

» Nad Zainal kembali ke pentas teater untuk asah semula bakat lakonan

Banyak berubah

Sering disalah anggap gara-gara riak wajahnya yang kurang mesra, Nad mengakui, pada permulaan karier lakonannya bertapak dia berdepan tekanan untuk berdepan pihak media.

"Ketika itu saya masih belum banyak produk, menyebabkan saya sentiasa berperang dengan diri sendiri. Saya sering bertanya, mengapa perlu saya lakukan itu dan ini sedangkan tidak banyak yang sedia saya kongsi ketika itu.

"Tetapi apabila satu demi satu drama lakonan saya muncul, saya melihat peningkatan dan kesempatan itu, saya memanfaatkan untuk memperbaiki semula skil komunikasi bersama pihak media.

Takut menjerat diri

"Pelakon harus tahu bagaimana untuk berkongsi hal peribadi dengan umum. Bolah saja saya luahkan segala-galanya untuk didedahkan media massa tetapi saya cuba bataskan.

"Bukan tidak bersikap terbuka, cuma saya tidak mahu keterbukaan itu menjerat diri apabila ia tidak menjadi seperti yang diharapkan," katanya.

Nad bagaimanapun mengakui, kesediaan untuk keluar daripada berselembung di bawah tempurung kesesalan memberinya peluang untuk memperluaskan bakatnya.

"Saya pernah kesal apabila kebanyakan teater lebih mengutamakan pelakon komersial, berbanding pelakon sebenar yang mempunyai jiwa terhadap lakonan.

"Saya dapat rasakan seperti ada sesuatu yang tidak kena kepada sistem industri hiburan di sini. Namun akhirnya saya mengerti, populariti itu penting sebagai lahan untuk menarik audiens mengikuti kerja kita.

"Alhamdulillah, saya semakin selesa dengan lakonan komersial dan itu yang membuatkan saya tergerak untuk kembali ke teater. Tidak kisah kecil atau besar kerana saya di sini untuk mencari kepuasan diri," katanya.



FOTO: NUR ADJAL AHMAD IZAM